

ELAKKAN PERMAINAN YANG MELALAIKAN

7 Rabiul Akhir 1443H/ 12 November 2021M

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ
وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Lalai merupakan satu sifat buruk yang sering melanda umat Islam khususnya pada akhir zaman ini. Dalam Islam, lalai merupakan suatu bentuk penyakit hati yang berbahaya. Apabila

seseorang telah dijangkiti penyakit lalai, dia kurang mengingati Allah, kurang memberi fokus dalam ibadah dan leka terhadap kewajipannya. Terdapat banyak punca yang menyebabkan manusia menjadi lalai. Salah satunya adalah kerana dilekakan dengan keseronokan dan kelazatan dunia. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah an-Nur ayat 37:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ

يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ

Yang bermaksud: *“Lelaki yang tidak dilalaikan oleh perdagangan dan jual beli daripada mengingati Allah, mendirikan solat, dan menunaikan zakat. Mereka takut kepada hari ketika bergoncangnya hati dan penglihatan. (hari Kiamat),”*

Dunia ini sifatnya sementara. Ia dipenuhi dengan pelbagai keseronokan dan permainan yang melalaikan. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-An’am ayat 32:

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَهْوٌ وَلَلدَّارُ الْآخِرَةُ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

Yang bermaksud: *“Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertakwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir?”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Terdapat banyak aduan daripada ibu bapa mengenai anak mereka telah menghabiskan terlalu banyak masa berjam-jam lamanya. Mereka menggunakan telefon dan komputer untuk permainan dalam talian yang menyebabkan mereka mengabaikan pelajaran dan ibadah serta tanggungjawab. Permainan tersebut juga menyebabkan gangguan mental dan ketagihan serta mempunyai unsur ganas dan lucuh. Beberapa negara seperti Indonesia dan India telah mengharamkan permainan tersebut dan kita mengharapkan agar negara kita mengambil tindakan sewajarnya.

Ibu bapa hendaklah bertanggungjawab supaya mengawal dan menghindari anak-anak daripada permainan tersebut. Hindarilah juga permainan tersebut kerana ia boleh jatuh menjadi haram jika ia melibatkan pertaruhan yang berunsur judi.

Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Tirmizi:

Yang bermaksud: *Antara kebaikan Islam seseorang adalah meninggalkan hal-hal yang tidak bermanfaat.*

Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam surah ali-Imran ayat 185:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ
فَمَنْ زُحِرَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا
إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

Yang bermaksud: “*Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati. Hanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya dia telah berjaya. (Ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahan dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan.*”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.